

30/03/2000

Mempertahankan suara majoriti di Sanggang

Faizal Fadzil

SANGGANG kini menjadi gelanggang yang bakal menyaksikan pertembungan antara dua suara - suara majoriti rakyat Malaysia yang diwakili oleh Barisan Nasional (BN) dan suara pembangkang.

Bagi penduduk Sanggang, kini mereka menjadi tumpuan utama di seluruh negara. Majoriti rakyat Malaysia mahukan orang Sanggang meneruskan tradisi memilih wakil mereka yang selama ini tidak pernah jemu untuk berkhidmat sehingga akhir hayat.

Allahyarham Abdullah Kia meneruskan tradisi BN membela rakyat sehingga beliau menghembuskan nafas terakhir. Penduduk Sanggang menangiisi pemergian Abdullah dan kini mereka sedang menanti calon wakil rakyat BN yang baru, Redzwan Harun, untuk menggantikan tempat beliau sebagai pewaris wakil bagi meneruskan tradisi membela nasib rakyat Sanggang.

Kerusi BN di Sanggang perlu dipertahankan kerana ia menjadi lambang pengukuhan suara majoriti rakyat di negara ini. Suara majoriti rakyat mesti dipertahankan kerana suara ini menjadi lambang kekuatan rakyat Malaysia di mata dunia.

Tanpa suara majoriti yang melambangkan kekuatan itu, rakyat Malaysia kehilangan 'kekuatan atau kuasa untuk berunding' (bargaining power) bagi menghadapi pelbagai agensi antarabangsa yang sentiasa mencari jalan untuk menuding kelemahan negara sebelum menjadikan rakyat Malaysia sebagai 'patung mainan yang boleh diadu-domba sesuka hati'.

Beberapa pengalaman lalu menunjukkan betapa Malaysia amat memerlukan sebuah kerajaan yang kuat bagi memastikan rakyat mampu melaksanakan pentadbiran negara mengikut acuannya sendiri.

Antara contoh terbaik dan terdekat dengan Malaysia ialah bagaimana pendekatan pemulihan ekonomi yang dirancang dan dilaksanakan mengikut kemampuan pemikiran dan perencanaan pimpinan negara sendiri, mampu menghasilkan kejayaan.

Agenda bertindak popular oleh pucuk pimpinan negara diterajui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang berjaya menafikan penjajahan Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) terhadap pemikiran dan tindak-tanduk rakyat Malaysia sewajarnya dipahat rapi-rapi dalam ingatan rakyat.

Ini kerana banyak suara sumbang, sama ada dari dalam dan luar negara, yang berusaha untuk meremehkan usaha pucuk pimpinan negara bagi melahirkan kesejahteraan dan kemakmuran rakyat.

Ramai tidak senang hati dengan pujian dari dalam dan luar negara terhadap kepemimpinan Malaysia menangani masalah ekonomi sehingga mereka sanggup menolak hakikat bahawa model Malaysia berjaya menangani masalah kegawatan.

Sebaliknya, mereka sanggup mengatakan bahawa pemulihan ekonomi bergantung kepada suasana perubahan antarabangsa yang mempengaruhi kedudukan ekonomi negara ini.

Peliknya, apabila negara mengalami kegawatan pada pertengahan 1997 lalu, golongan 'oportunis' yang sama menuduh kelemahan pentadbiran kewangan Malaysia yang menjadi punca kegawatan ekonomi.

Begitulah omong golongan kecewa - apabila gagal, segala tanggungjawab mahu dibebankan kepada bahu pemimpin negara, apabila berjaya, segala usaha dianggap secara kebetulan dan dipengaruhi iklim ekonomi antarabangsa.

Justeru, rakyat Malaysia perlu mempertahankan majoriti suara rakyat dengan memberi kepercayaan kepada pentadbiran BN yang sejak merdeka sudah membuktikan keupayaan untuk memimpin Malaysia dengan begitu cemerlang.

Satu lagi faktor yang perlu diambil kira dalam konteks mempertahankan majoriti rakyat ialah serangan-serangan Barat ke atas Malaysia dalam usaha untuk menyusup masuk bagi mempengaruhi proses pentadbiran negara.

Bahaya ini sering diingatkan oleh Perdana Menteri, tetapi banyak suara yang tidak mengendahkan amaran itu, malah menuduh Dr Mahathir sengaja memperbesarkannya kerana takut BN kecundang dalam pilihan raya.

Bukti terbesar sudah terserlah berikutan tindakan negara jiran (Indonesia) yang 'terpaksa dalam rela' mengambil penasihat politik secara langsung daripada kalangan mereka yang pernah menjadi penjajah bangsa Melayu beragama Islam.

Negara itu yang dilanda 'wabak reformasi' pada peringkat awalnya 'dicemburui' oleh bangsa Asia lain kerana kononnya berjaya mengecapi nikmat 'kebebasan sebenar mengikut kaca mata Barat'.

Rakyat berbangga dengan 'kebebasan' mereka untuk mewujudkan berpuluh-puluh parti baru, menerbitkan pelbagai bentuk media yang mampu menyuarakan apa saja dan bebas 'berdemonstrasi di jalanan' bagi melahirkan pandangan mereka.

Media antarabangsa yang memang gemar menyaksikan 'tumbangnya satu demi satu' kerajaan Asia yang kuat, banyak memuji pendekatan di Indonesia itu yang disifatkan mereka sebagai 'lambang kebebasan baru Asia'.

Tembelang mereka terserlah selepas bekas Setiausaha Negara Amerika, seorang berketurunan Yahudi, Henry Kissinger, dilantik sebagai penasihat negara itu.

Pendekatan mereka mudah saja. Selepas mengecapi kebebasan baru, rakyat negara itu mula bebas bersuara dan menuntut. Mereka bebas menuntut wilayah mereka dibebaskan, mereka bebas menuntut pelbagai tuntutan yang adakalanya tidak munasabah sehingga memeningkan kepala pemimpin yang mereka sendiri pilih daripada kalangan ulama. Apabila tuntutan mereka tidak dipenuhi, mereka bertindak ganas, membunuh, memukul dan membakar bagi memastikan tuntutan mereka dipenuhi.

Medianya bukan saja bebas meracuni pemikiran rakyat supaya bangkit memberontak, malah bebas menerbitkan elemen budaya kuning Barat yang selama ini berjaya dikawal di bawah pemerintahan kerajaan yang kukuh.

Ketika keadaan dalam negara menjadi tidak terkawal, ekonomi negara itu yang memang sudah merudum semakin terbenam. Rakyat tidak lagi mahu bekerja menyebabkan pelabur juga tidak sudi bertandang ke sana.

Akhirnya, lumpuhlah ekonomi dan politik mereka. Apabila ini berlaku, maka hasrat Barat untuk kembali menjajah bangsa Asia semakin menjadi realiti. Yang menguntungkan Barat, Bangsa Asia yang berjaya dijajah itu majoritinya berbangsa Melayu dan beragama Islam.

Matlamat Barat berjaya dicapai menerusi permintaan media antarabangsa yang begitu licik. Beginilah nasib bangsa dan negara yang tidak mempunyai pucuk pimpinan negara yang kuat, bersepadu dan mantap.

Pucuk pimpinan negara yang gagal menerima mandat majoriti rakyat untuk terus menerajui negara sudah pasti akan mengalami dilema dan gangguan pentadbiran yang sama seperti yang berlaku kepada jiran itu.

Justeru, Sanggang bukan gelanggang pertarungan politik yang biasa. Meskipun hakikatnya ia hanya sebuah kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) yang mempunyai tidak lebih 16,000 pengundi, tetapi ia melambangkan kekuatan majoriti rakyat Malaysia.

Kemenangan BN di Sanggang adalah kemenangan majoriti suara rakyat Malaysia yang menjadi tonggak kekuatan bersuara rakyat Malaysia bagi mempertahankan kedaulatan tanah air daripada penjajahan pemikiran dan campur tangan kuasa asing.

(END)